

Tajuk 5

Reka Bentuk Landskap

Prinsip Reka Bentuk Landskap


Jenis Landskap

Landskap boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu **landskap lembut** (*softscape*) dan **landskap kejur** (*hardscape*).

1. Tarik ke kotak prinsip rekabentuk landskap yang betul

elemen-elemen yang hidup termasuk bunga, tumbuhan renek dan pokok. Tujuan landskap lembut adalah untuk menjadikan landskap kelihatan cantik, mewujudkan aura dan mencerminkan perasaan penduduk.

elemen-elemen keras atau objek bukan hidup seperti kayu dan batu. Contoh landskap jenis ini ialah laluan pejalan kaki, arca, air terjun dan elemen fizikal lain.



LANDSKAP LEMBUT



LANDSKAP KEJUR

2.

Peranan dan Fungsi

Secara umumnya, landskap mempunyai beberapa peranan dan fungsi, iaitu estetik, ekonomi dan fizikal. Berikut adalah huraian tentang peranan dan fungsi landskap.

TULISKAN 3 jenis peranan dan fungsi rekabentuk landskap di bawah

- membentuk ruang yang lebih menarik
- mencantikkan pemandangan
- melembutkan persekitaran
- melembutkan pemandangan pada bangunan
- mengelakkan kebosanan



Ruang lebih menarik



Mengelakkan kebosanan

- memberi faedah kepada negara dan masyarakat dari segi rekreasi, kesihatan, pendidikan dan pelancongan
- sumber ilham kepada pengkarya
- sumber pendapatan kepada pereka landskap



Tarikan pelancong



Sumber ilham

- mengawal hakisan tanah
- memberi perlindungan/tepuhan
- menyejukkan iklim
- mengawal pencemaran alam
- menjadi tirai/dinding
- mengarah pergerakan
- imbalan ekologi



Mengawal hakisan



Mengarah pergerakan

3.0 ALAT,BAHAN DAN SIMBOL DALAM PENGHASILAN PELAN REKA BENTUK LANDSKAP


3.1 Namakan Contoh Alat Dalam Penghasilan Pelan Reka Bentuk Landskap

1.
2.
3.
4.
5.

3.2 Namakan Contoh Bahan Dalam Penghasilan Pelan Reka Bentuk Landskap

1.
2.

3.2 Namakan symbol Dalam Penghasilan Pelan Reka Bentuk Landskap



--

